

BAB 5

Rumusan Dapatan Dan Perbincangan

Setelah melaporkan dapatan kajian tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan oleh subjek kajian, bab ini pula akan membuat rumusan dapatan dan perbincangan hasil daripada kajian dan akan menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibentuk.

Jenis-jenis strategi metakognisi pemahaman pembacaan.

Kajian ini bertujuan mengenalpasti strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang digunakan oleh pelajar dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan akan memudahkan seseorang pembaca memahami bahan yang dibacanya. Dalam kajian yang telah dibuat, didapati subjek kajian telah menggunakan beberapa strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang selalu digunakan oleh pelajar semasa aktiviti pembacaan di sekolah. Di antara strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang digunakan oleh subjek kajian ialah mencatat perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang sukar difahami maksudnya, menggarisi isi-isi penting, mengemukakan soalan-soalan, menguji hipotesis dan mengulang bacaan untuk tujuan pengukuhan maklumat. Strategi-strategi yang digunakan oleh subjek kajian ini boleh dikatakan masih terhad bilangannya kerana setiap kali pemerhatian dibuat, subjek kajian menggunakan strategi yang sama berulang-ulang kali. Walau bagaimanapun

subjek kajian boleh mempelbagaikan cara untuk memahami petikan yang dibaca jika petikan tersebut didapatinya sukar difahami.

Melalui pemerhatian penyelidik dan dapatan daripada temubual bersama-sama dengan subjek kajian, didapati beliau belum ada kesedaran dan pengetahuan untuk mengamalkan strategi metakognisi dalam aktiviti pembacaan. Jika seseorang pembaca tidak mempunyai pengetahuan yang luas untuk menggunakan strategi yang berkenaan dengan proses kognitifnya, hasil yang diperoleh daripada perlakuannya itu juga tidak mencapai tahap yang terbaik. Ini jelas menunjukkan pemahaman pembacaan menjadi satu proses yang berjaya hanya apabila seseorang pembaca sama ada baik atau lemah bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai strategi-strategi metakognisi bahkan dapat menggunakananya dengan sebaik-baiknya (Bender, 1986).

Metakognisi terbahagi kepada dua komponen iaitu pengetahuan tentang pelbagai aspek pembelajaran dan aktiviti-aktiviti yang dikawal sendiri (self-regulatory) oleh pelajar untuk mencapai pemahaman (Brown:1982). Ini bermakna seseorang yang tidak ada pengetahuan mengenai pelbagai strategi pembelajaran yang dalam konteks kajian ini bermakna strategi metakognisi pemahaman pembacaan, akan menghalang pembaca berkenaan untuk mencapai pemahaman yang maksima. Dalam aktiviti pembacaan dan pemahaman seperti yang dijalankan untuk kajian ini, terdapat banyak lagi strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang boleh diaplikasikan oleh pelajar di dalam bilik darjah untuk memudahkan mereka memahami petikan yang dibaca. Di antara strategi-strategi metakognisi yang lazim digunakan oleh pembaca yang baik ialah seperti mengenal pasti tugas penting, membuat kesimpulan, ramalan atau rumusan, pemerengganan,

mengesan struktur, berhenti sebentar, mengaitkan maklumat dengan pengetahuan lampau, mengesan dan menyusun kejadian (events), penyoalan diri, menguji diri dan banyak lagi.

Sepatutnya subjek kajian menggunakan strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang membolehkannya memproses maklumat dalam bahan yang sedang dibaca. Contohnya semasa membaca, pelajar itu boleh menjelaskan kepada dirinya sendiri tentang strategi yang sedang digunakannya ataupun boleh juga memberitahu orang lain seperti rakan atau guru. Di dalam kelas pula, guru boleh meminta pelajar menerangkan kepadanya tentang apa yang dilakukan atau strategi yang pelajar gunakan semasa membaca. Tujuan mengadakan perbincangan begini supaya pelajar sentiasa peka dan menilai sendiri keupayaannya memproses maklumat daripada bahan yang dibaca.

Berdasarkan maklumat yang ditemui, didapati subjek kajian tidak banyak menggunakan strategi metakognisi semasa membaca sesuatu petikan dan kelemahan ini menghalangnya daripada memahami petikan dengan mudah terutamanya petikan yang mengandung banyak maklumat seperti petikan ketiga dan keempat yang dijadikan bahan kajian ini. Selain daripada strategi metakognisi yang telah digunakan oleh subjek kajian dalam kajian ini, subjek kajian juga boleh memahami bahan yang dibaca dengan cara sambil membaca, cuba ramalkan apa yang akan berlaku seterusnya. Pelajar boleh membuat apa sahaja ramalan yang sesuai dengan isi yang diutarakan di dalam petikan tersebut. Strategi lain yang boleh juga digunakan ialah menghubungkaitkan peristiwa dengan kesannya, mendapatkan makna keseluruhan dalam teks, mengingati makna keseluruhan, sambil membaca cuba hubungkaitkan maklumat baru dalam teks dengan pengetahuan sedia ada pelajar dan boleh juga menggunakan strategi mengenalpasti isi-isi

penting dan boleh membezakannya daripada fakta-fakta sokongan.

Dalam kajian ini, penyelidik dapat subjek kajian tidak mengetahui tentang strategi pemahaman pembacaan tetapi beliau hanya mengamalkan langkah-langkah ataupun cara-cara yang didapatinya berkesan untuk dirinya memahami petikan yang dibaca. Pemilihan strategi pemahaman pembacaan oleh subjek kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor kebiasaan sahaja. Ini dijelaskan sendiri oleh subjek kajian dalam temubual yang diadakan oleh penyelidik. Keadaan ini berlaku memandangkan sistem pembelajaran di sekolah yang tidak pernah mengajarkan penggunaan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini secara eksplisit. Walaupun subjek kajian menggunakan beberapa strategi yang sesuai untuk memahami petikan yang dibaca tetapi beliau tidak menyedari sebenarnya beliau telah mengaplikasikan strategi metakognisi. Justeru, pelajar perlu banyak dilatih untuk menyedari penggunaan strategi-strategi metakognisi yang digunakan. Cara begini mungkin akan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran bahasa dalam pelbagai aspek

Rumusan yang boleh dibuat berkenaan dengan jenis-jenis strategi yang telah digunakan oleh subjek kajian, bolehlah dikatakan bahawa subjek kajian telah menggunakan beberapa strategi yang baik dan sesuai dengan bahan yang dibaca iaitu teks ekspositori tetapi penggunaannya masih terhad kerana tidak dilatih menggunakan secara formal di dalam bilik darjah. Subjek kajian tidak boleh disalahkan dalam hal ini kerana sistem pembelajaran yang tidak menekankan kepada pengajaran strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini secara meluas.

Keseluruhan dapatan kajian ini membuktikan bahawa aspek metakognisi khususnya

strategi metakognisi pemahaman pembacaan tidak boleh dipandang ringan dalam pengajaran pemahaman di sekolah. Setiap pelajar harus mendapat pengetahuan, pendedahan dan latihan yang cukup untuk menggunakan strategi-strategi ini supaya mereka tahu dan sedar apa tindakan yang harus dilakukan dalam proses memahamkan sesebuah teks yang dibaca. Akhirnya bolehlah dirumuskan bahawa kebolehan menggunakan strategi-strategi metakognisi bermakna seseorang pembaca tersebut telah mempunyai kawalan kualiti dalam diri individu itu sendiri

Keberkesanan penggunaan strategi metakognisi

Istilah metakognisi telah dikenali sejak tahun-tahun 1970-an untuk merujuk kepada peningkatan kesedaran kognitif pelajar dan kawalan diri (self-regulation) yang sering wujud bersama-sama dengan kemahiran untuk melakukan sesuatu (Flavell :1978). Reka bentuk ini penting ketika menjalankan aktiviti bacaan kerana ia mengalihkan perhatian pembaca kepada tujuan memahami apa yang dibaca (understanding reading purposes), tugas (task) dan strategi. Dalam kajian ini, penyelidik tidak melihat strategi metakognisi yang digunakan oleh subjek kajian ini menggambarkan peningkatan kognitif atau kemahirannya melakukan sesuatu kerana sepanjang pemerhatian dibuat dan juga temubual bersama-sama dengan subjek kajian, subjek kajian kebanyakannya menggunakan strategi yang sama sahaja. Contohnya subjek kajian telah menunjukkan yang di peringkat awal bacaan beliau tidak memahami makna perkataan yang terdapat dalam teks lalu mencatatkan perkataan tersebut untuk disemak semasa guru mengadakan perbincangan. Beliau juga cenderung untuk menggunakan strategi menguji hipotesis dalam ke empat-empat

pemerhatian yang telah dilakukan oleh penyelidik.

Adalah jelas dalam kajian ini bahawa subjek kajian melakukan aktiviti pembacaan untuk mendapatkan maklumat yang tepat untuk tujuan menjawab soalan-soalan pemahaman tetapi bukan untuk memahamkan teks yang dibaca. Oleh itu beliau kerap menggunakan strategi menguji hipotesis dan menyemak semula jawapan daripada bahan yang telah dicatatkan terlebih dahulu. Justeru, penyelidik berpendapat pelajar perlu diajarkan cara atau strategi memahamkan bahan bacaan dan dilatih supaya sedar akan penggunaan strategi-strategi semasa membaca. Pengetahuan ini bukan hanya berguna untuk memahamkan petikan yang dibaca ketika itu sahaja bahkan penting juga untuk menelaah mata pelajaran lain seperti Sejarah dan Geografi.

Gambrell dan Heathington (1981) telah mencadangkan beberapa teknik yang sesuai yang boleh membantu pelajar menggunakan strategi membaca. Strategi-strategi yang boleh digunakan adalah seperti;

- i. Perkenalkan model strategi membaca seperti 'mental imagery', penggunaan struktur teks, ganti perkataan, membuat rumusan atau strategi-strategi lain.
- ii. Bincang bagaimana guru dan pelajar mengendalikan tugas membaca untuk membantu pelajar membentuk penyesuaian dengan strategi yang mereka tahu.
- iii. Beri masa yang mencukupi untuk pelajar berlatih dan mahir dengan strategi-strategi tersebut supaya mereka boleh menggunakan mereka dengan sendiri.
- iv. Galakkan pelajar untuk menghuraikan keberkesanan strategi selepas melaksanakan tugas dan kenalpasti strategi-strategi lain yang boleh digunakan.

Kajian -kajian yang meninjau kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap

pemprosesan teks menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai strategi-strategi metakognisi dapat memahami teks dengan lebih baik (Safiah Othman, 1997). Oleh itu guru memainkan peranan untuk menerapkan penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran kerana peningkatan kesedaran dalam penggunaan strategi boleh diajar kepada semua pelajar tidak mengira tahap mereka.

Pelajar perlu diajar menyoal diri sendiri tentang apakah idea yang ingin disampaikan dalam bahan yang dibaca untuk melihat sama ada maklumat mereka membaca telah tercapai. Selain itu pelajar perlu tahu untuk bertanya pada diri sendiri sama ada maklumat yang dibaca memberi makna. Mereka juga harus merancang sesuatu strategi jika terdapat masalah untuk memahami makna kata, ayat dan bagaimana ayat dihubungkan untuk menyampaikan maksud keseluruhan petikan atau menjadi fokus petikan yang dibaca. Ini memperlihatkan yang strategi metakognisi boleh diajarkan tetapi terlebih dahulu perlu dilihat pelajar golongan apa yang paling banyak mendapat manfaat daripada setiap strategi yang dipelajari dan cara yang paling baik untuk mengajar strategi tersebut.

Pendek kata, penggunaan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan boleh mendorong pelajar untuk memahami maklumat yang terkandung di dalam petikan yang dibaca dan mengetahui tujuannya membaca. Ini kerana bilangan strategi metakognisi yang boleh digunakan semasa membaca adalah banyak dan perlu dipelajari untuk disesuaikan dengan jenis teks atau bahan yang dibaca. Oleh itu bagi menolong pelajar agar benar-benar menguasai strategi metakognisi pemahaman pembacaan, mereka mesti diberi banyak peluang menggunakan strategi-strategi tersebut di dalam pelbagai situasi.

Implikasi dalam pengajaran

Dalam suasana sekolah sekarang, pendekatan metakognisi belum begitu meluas digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, adalah wajar jika pendekatan metakognisi diperkenalkan sebagai satu perubahan dalam konteks pendidikan bahasa atau matapelajaran lain. Ini kerana pendekatan metakognisi menegaskan tentang peranan individu dalam proses pembacaan. Sejajar dengan itu, adalah penting bagi guru-guru mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai pendekatan dan strategi-strategi metakognisi serta sedar dan yakin tentang manfaat menggunakan pendekatan metakognisi ini. Dorongan untuk memperoleh strategi-strategi metakognisi mesti timbul dalam diri guru sendiri.

Guru-guru harus melatih pelajar mereka menggunakan strategi yang pelbagai untuk memahami teks yang dibaca. Pemahaman dapat ditingkatkan jika pembaca berupaya untuk menangkap maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu adalah penting bagi guru menggalakkan penggunaan strategi-strategi metakognisi atau menggalakkan pelajar merekabentuk strategi sendiri. Bilangan strategi metakognisi yang boleh digunakan adalah besar kerana tidak ada suatu strategi yang sesuai dan berkesan untuk semua tujuan membaca. Strategi-strategi metakognisi yang digunakan adalah sebagai panduan sahaja dan boleh diubahsuai dalam situasi yang berbeza. Bagi membantu pelajar menguasai strategi-strategi metakognisi, mereka hendaklah diberi peluang dan galakan menggunakanannya sendiri. Ini bermakna pelajar dapat mengawasi pembelajaran sendiri di dalam bilik darjah.

Adalah amat digalakkan sekali bagi guru-guru menerapkan pengajaran tentang strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini kepada pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Selain daripada dapat mengalihkan pandangan pelajar daripada gaya mengajar bacaan yang stereotaip seperti mencari makna perkataan mengikut konteks, membaca kuat, dan membaca senyap kepada penggunaan strategi-strategi metakognisi yang akan menjadi satu teknik pengajaran baru untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah dan menjadi pengalaman baru kepada pelajar untuk mempelajari bahasa.

Guru juga perlu mengajarkan strategi-strategi tertentu untuk digunakan oleh pelajar bila mendapati pemahaman pembacaan tidak dicapai oleh mereka. Petikan yang sederhana tahap kesukarannya boleh digunakan supaya petikan tidak terlalu susah dan hanya terdapat sedikit masalah pemahaman sahaja. Guru boleh juga merancang pemelajaran dengan mengkaji latar belakang bahan yang akan dibaca untuk dinyatakan kepada pelajar sebelum mereka membaca bahan tersebut supaya mereka boleh mengaplikasikan strategi-strategi yang sesuai semasa membaca. Dengan cara ini pelajar boleh mengenalpasti matlamat pembacaan dan mencadangkan strategi-strategi untuk melaksanakan tugas membaca. Selain itu guru-guru mesti menggalakkan dan mendorong pelajar untuk cuba memahami teks yang dibaca. Penumpuan perhatian hendaklah diberi kepada sesuatu tugasaran pemelajaran dan elakkan perkara-perkara yang tidak berkaitan. Pengurusan kendiri juga penting dan guru harus sedar bahawa kebolehan menggunakan strategi-strategi metakognisi bermakna pelajar telah mempunyai dorongan intrinsik untuk membaca sesuatu petikan dan mempunyai kemahiran untuk mengawal kualiti bacaan dalam dirinya sendiri.

Cadangan penyelidikan lanjut

Hasil kajian ini mendapati subjek kajian telah menggunakan beberapa strategi metakognisi pemahaman pembacaan tetapi beliau tidak mempunyai kesedaran mengenainya kerana pada umumnya pelajar sekolah tidak diajar secara formal atau tidak dilatih menyedari mengenai strategi-strategi metakognisi yang boleh digunakan untuk memahamkan teks. Oleh itu penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjut yang difikirkan boleh dijalankan untuk meningkat pemahaman pembacaan pelajar.

Pada pendapat penyelidik adalah perlu dijalankan satu kajian mengenai kesedaran penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan. Kajian ini boleh dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan selain kajian kes seperti yang dijalankan ini, misalnya menggunakan kaedah penyelidikan survey atau penyelidikan secara eksperimental. Kajian yang menggunakan sampel yang lebih besar adalah perlu untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan dan juga kajian untuk mengetahui tahap kesedaran pemahaman pembacaan agar sesuatu tujuan membaca teks tercapai.

Selain itu, dicadangkan juga menguji semula penggunaan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan dalam bentuk persembahan (setting) yang berlainan dan kajian yang berlainan. Boleh juga dibuat kajian mengenai pengajaran strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan di sekolah. Penyelidikan yang dicadangkan ini dapat membantu kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar dalam melaksanakan tugas mengajar dan belajar.

Seperkara lagi, dalam kajian ini hanya seorang pelajar tingkatan lima dijadikan subjek kajian. Untuk kajian lanjut dicadangkan supaya membuat kajian terhadap pelajar daripada pelbagai peringkat seperti pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar di institusi pengajian tinggi supaya bimbingan dan tunjuk ajar tentang penggunaan strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan ini dapat diperkenalkan sejak di peringkat awal persekolahan lagi dan dapat dilihat kesannya terhadap pembelajaran.

Selain itu, kajian ini hanya menggunakan teks jenis ekspositori sebagai bahan kajian. Kajian lain boleh dibuat menggunakan teks jenis naratif, deskriptif, puisi, teks kreatif dan yang scumpamanya. Kajian juga boleh dibuat menggunakan dua jenis teks yang berbeza dalam satu kajian bagi mengukur dan menguji penggunaan strategi metakognisi pemahaman pelajar berdasarkan teks yang berbeza jenis.

Pada pendapat penyelidik adalah lebih menarik jika kajian lanjut mengambilkira juga faktor minat dan sikap, pencapaian pelajar dan faktor latar belakang yang lain. Kemungkinan faktor-faktor ini mempunyai kaitan dengan aspek metakognisi pemahaman.

Akhir sekali penyelidik berharap agar kajian-kajian lain dapat dijalankan untuk melihat aspek metakognisi yg lain seperti mengukur keyakinan pelajar dalam menjawab soalan-soalan pemahaman, penulisan, strategi menulis, pemantauan dan pengawalan dalam latihan-latihan bahasa dan lain-lain.